



1046 PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN : SATU KAJIAN TERHADAP PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA

ABI SYAFIQ AL-HAKIEM BIN AB JABAR

abisyafiq@kuis.edu.my

MOHD IKRAM BIN MOHD NAWI

ikramnawi@kuis.edu.my

‘UQBAH BIN AMER

uqbah@kuis.edu.my

AHMAD IBRAHIM BIN ISMAIL

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Al-Quran merupakan mukjizat agung diturunkan kepada Baginda Nabi s.a.w. menjadi petunjuk dan pedoman bagi umat islam sepanjang zaman. Kaedah bacaan al-Quran yang tartil diamalkan sepanjang masa seperti yang dituturkan oleh Baginda Nabi s.a.w.. Melihat keadaan umat islam pada hari ini, sesetengah darinya mengabaikan bacaan al-Quran yang sempurna ketika solat dan di luar solat. Kajian ini memfokuskan kepada tahap penguasaan bacaan al-Quran bagi pelajar yang beraliran sains tulen dan untuk meneliti kaedah pembelajaran al-Quran di Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya(CUCMS). Metode pengumpulan data adalah melalui borang kaji selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program al-Quran di kolej ini amat baik di mana dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan pembacaan al-Quran dalam kalangan mahasiswa adalah baik.

Kata Kunci : *al-Quran, tartil, Mahasiswa*

PENGENALAN

Al-Quran adalah kalam Allah s.w.t. yang turun sebagai mukjizat kepada baginda nabi s.a.w. dan sebagai petunjuk buat orang yang beriman dan bertakwa. Firman Allah s.w.t. :



ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya : “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya(tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa”.¹

Umat islam digalakkan membaca al-Quran setiap hari. Ini adalah kerana ia menjadi salah satu syafaat di akhirat kelak. Imam al-Nawawi rh menukulkan dalam kitabnya Riyad al-Salihin bahawa ;

dari Abu Umamah al-Bahili ra katanya, dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda :

“Hendaklah kamu semua membaca al-Quran, sesungguhnya al-Quran itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat kepada orang yang membacanya”.²

Sebagaimana yang tertulis di dalam kitab *al-Munir fi Ahkami al-Tajwid*, terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan tentang kelebihan membaca al-Quran (Ahmad Khalid Syukri et al. 2008). Antaranya ialah firman Allah s.w.t. :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٣٠﴾ لِيُؤْتِيَهُم
أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan solat serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; Supaya Allah menyempurnakan pahal mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya).³

¹ Surah al-Baqarah 2 : 2

² Sahih Muslim hadis no 1390

³ Surah Faathir 35:29-30



Untuk membaca al-Quran hendaklah mengetahui cara-cara bacaannya agar ia tidak menyalahi bacaan Nabi s.a.w..Oleh itu, perkara yang paling utama dalam pembelajaran dan pengajian al-Quran adalah ilmu tajwid. Firman Allah s.w.t. :

﴿ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴾

Maksudnya : ...*dan bacalah al-Quran dengan 'tartil'*.⁴

Imam Ibn Katsir menjelaskan makna 'tartil' iaitu bacalah al-Quran dengan perlahan dan cermat, sebab hal itu akan membantu dalam memahami dan merenunginya(2004). *Tartil* iaitu bacaan lambat dan tenang serta melafazkan setiap huruf dari makhrajnya yang betul dan memenuhi hak sifat asli dan sifat mendatang pada huruf yang berkenaan dan memelihara segala hukum tajwid serta merenung maknanya (Abdul Qadir Leong 1990). Makna tartil menurut Saiyidina 'Ali bin abi Talib ialah mentajwidkan huruf dan mengetahui tempat berhenti.⁵

Hadis yang diriwayatkan dari Hafshah r.a yang menceritakan sifat bacaan al-Quran nabi s.a.w. :
“*Baginda (s.a.w.) membaca al-Quran dengan Tartil, sehingga bacaannya menjadi yang paling lama dan panjang*”.⁶

Dari riwayat Abu daud pula, Ummu Salamah r.a beliau menceritakan berkaitan sifat bacaan nabi s.a.w. ; “*Bacaan Rasulullah s.a.w. :*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Baginda s.a.w. memotong bacaannya ayat demi ayat”.⁷

⁴ Surah al-Muzammil 73 : 4

⁵ Imam Ibn Jazari, al-Tamhid fi Ilm Tajwid

⁶ Sahih Muslim bab 16 #733 (1/507)

⁷ Sunan Abi Daud no hadis 4001



Mempelajari ilmu tajwid adalah fardhu kifayah dan mengamalkannya iaitu membaca al-Quran dengan bertajwid adalah fardhu ain bagi setiap muslimin dan muslimat yang mukallaf (Abdul Qadir Leong, 1990). Abdul Fattah al-Qadhi, 1965 mengatakan bahawa adalah menjadi kebiasaan Nabi s.a.w. menyemak bacaan al-Quran dengan Jibril a.s. setahun sekali kecuali baginda menyemaknya dua kali pada tahun kewafatan baginda s.a.w.. Melalui pengamatan dari sirah baginda s.a.w. ini, ia menunjukkan bahawa betapa baginda begitu teliti dan cermat dalam penyemakan bacaan al-Quran dengan Jibril a.s..

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembelajaran dan pengajian al-Quran adalah satu perkara wajib bagi setiap insan yang bergelar muslim. Perkara ini telah dititikberatkan sekian lama sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. sehingga hari ini. Kini, wujud pelbagai kaedah pembelajaran al-Quran yang diperkenalkan kepada masyarakat umum. Bermula dari kaedah iqra, muqaddam, al-Baghdadi dan lain-lain yang bermula dari peringkat pra sekolah.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memperkasa dan menambah baik mata pelajaran al-Quran kepada kanak-kanak Islam di semua sekolah rendah bagi melahirkan golongan celik al-Quran melalui pelaksanaan program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). Namun begitu, penguasaan bacaan al-Quran mereka terhenti di peringkat itu sahaja. Apabila mereka masuk ke peringkat menengah dan IPT, sebahagian mereka lupa cara membaca al-Quran dengan baik. Ini adalah disebabkan mereka tidak lagi mendapat pendedahan tentang ilmu al-Quran sebagaimana mereka pelajarinya di bangku persekolahan.

Penekanan yang akan ditonjolkan pada kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar perubatan Kolej Universiti Perubatan Cyberjaya seterusnya peranan institusi pendidikan tinggi dalam meneruskan pembelajaran al-Quran.



PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimana program al-Quran Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya dijalankan?
2. Adakah pelajar-pelajar perubatan di Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya berkebolehan dalam menguasai pembacaan al-Quran?
3. Adakah pelajar-pelajar Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya mengetahui asas-asas ilmu tajwid?

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif antaranya ialah :

1. Mengenalpasti latarbelakang penubuhan program al-Quran Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya
2. Mengkaji tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar perubatan Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya.
3. Mengkaji tahap pengetahuan asas-asas ilmu tajwid dalam kalangan pelajar perubatan Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap penguasaan bacaan al-Quran bagi pelajar-pelajar perubatan di Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya. Fokus kajian adalah mengenai tahap pembacaan dan pengetahuan asas ilmu tajwid. Pengkaji memilih Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya sebagai pusat kajian kerana pelajar-pelajar kolej ini mempunyai latarbelakang yang berbeza dengan pelajar-pelajar di institusi yang mempunyai fakulti pengajian islam.

Secara amnya, kajian ini dijalankan untuk mengetahui penguasaan pelajar dalam mengenal huruf al-Quran, baris, makhras huruf dan hukum tajwid yang asas. Pengkaji juga membataskan kajian ini berdasarkan tahap penguasaan al-Quran yang dinilai melalui kemampuan dan keupayaan mengenal huruf, baris dan tanda berhenti. Pada masa yang sama, pengkaji ingin mengenalpasti



pengetahuan asas ilmu tajwid yang hanya memfokuskan kepada asasnya sahaja seperti mad asli, mad wajib, mad jaiz, hukum nun dan mim sakinah.

Pengkaji memilih pelajar seramai 50 orang secara rawak yang mewakili tiga peringkat pengajian iaitu peringkat asasi, diploma dan ijazah sarjana muda di kolej universiti ini dengan menggunakan kaedah soalselidik yang telah diedarkan kepada mereka.

Pengenalan Program Al-Quran Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS)

Program Professional Tahfiz CUCMS-JAKIM

Program ini pada mulanya dijalankan sebagai satu program ko-kurikulum tambahan di CUCMS. Program ini mensasarkan pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang tahfiz di peringkat asasi, di mana mereka perlu melalui temuduga yang telah ditetapkan bagi menyertai program ini.

Pada tahun 2014, CUCMS telah mengadakan satu kerjasama dengan Darul Quran JAKIM bagi Program Pensijilan Tahfiz al-quran di CUCMS. Program ini dikenali sebagai Program Professional Tahfiz CUCMS-JAKIM di CUCMS dan dijalankan serentak dengan pengajian di CUCMS selama tiga tahun (enam semester) bermula dari peringkat pengajian asasi.

Hingga kini, bilangan kemasukan pelajar tahfiz keseluruhan adalah 33 orang pelajar melalui empat sesi kemasukan (2014-2017). Kemasukan pelajar ke program ini dilakukan setahun sekali iaitu pada bulan September setiap tahun mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

Pengambilan pertama seramai 14 orang pelajar pada September 2014. Daripada jumlah tersebut, seramai tujuh orang pelajar (lima lelaki dua perempuan) telah Berjaya menamatkan program ini pada 2017 dan akan bergraduasi pada Ogos 2018 di Darul Quran.

Pada Julai 2018, CUCMS telah menerima kemasukan 15 orang pelajar tajaan khas daripada penajaan MARA khusus kepada kepada pelajar yang akan menyambungkan pengajian di



CUCMS dengan syarat para pelajar perlu menyertai Program Professional Tahfiz CUCMS-JAKIM. Hal ini menjadi satu keistimewaan kepada para pelajar yang mengikuti program ini.

Objektif Program Professional Tahfiz CUCMS adalah untuk menyatupadu ilmu duniawi dan ukhrawi untuk melahirkan golongan professional yang hafiz, mahr lagi berketrampilan selaras dengan keperluan umah dan negara. Ini juga adalah bagi menyediakan asas penjanaan ke arah melahirkan cendekiawan yang berkemampuan mengembalikan tradisi zaman kegemilangan ilmuan islam.

Program ini memberi peluang kepada para huffaz yang menuntut di CUCMS agar dapat memelihara kelangsungan hafazan mereka dan menjadikan program ini sebagai landasan ke arah mewujudkan program Tahfiz al-Quran-CUCMS pada masa akan datang. Sepanjang program berjalan struktur pengajian dan kurikulum disemak Bersama Darul Quran dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan kesesuaian tahap potensi pelajar.

Namun begitu, kajian ini dibuat kepada pelajar selain daripada pelajar Program Professional Tahfiz CUCMS-JAKIM bagi melihat penguasaan bacaan al-Quran dan pengetahuan tajwid mereka.

Program *Quranic Class*

Program ini dikelola oleh Pusat Bahasa dan Pengajian Am yang menawarkan kursus-kursus bertaraf wajib MQA, wajib universiti dan wajib fakulti. *Quranic Class* dijalankan sebagai pilihan ko-kurikulum komponen U4 di CUCMS yang mensasarkan pelajar-pelajar di tahun satu dan dua sahaja di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma. Objektif awal penubuhan program ini adalah untuk meraikan pelajar-pelajar lain yang ingin mencari pengalaman menghafaz al-Quran.

Program ini dijalankan pada setiap hari rabu setiap minggu (28 minggu) selama dua semester untuk memberi peluang kepada semua pelajar yang beragama islam mendalami dan menghafaz al-Quran mengikut peringkat masing-masing. Antaranya silibus yang diterapkan adalah menghafaz juzuk ‘amma, surah-surah pilihan dan pelajar-pelajar hafiz yang ingin mengulang hafazan.



Hasilnya, program ini telah membuka peluang kepada pelajar-pelajar yang ingin belajar membaca al-Quran dan memantapkan tahap pembacaan al-Quran mereka. Pada tahun 2017, program ini dijalankan dengan tiga peringkat iaitu iqra, tahsin al-Quran dan tahfiz al-Quran bagi meraikan semua pelajar yang ingin menyertai program ini. Guru-guru yang ditetapkan majoritinya adalah guru-guru yang hafiz dan hafizah yang bertugas di CUCMS.

Program *Quranic Circle*

| Jenis | Bilangan | Peratus (%) |
|-------|----------|-------------|
|-------|----------|-------------|

Program ini dikelola oleh Persatuan Intelek al-Quran CUCMS yang dijalankan sebagai aktiviti persatuan. Program ini mensasarkan kepada semua peringkat pelajar di CUCMS. Objektif penubuhan program ini adalah untuk meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar CUCMS sehingga semua pelajar yang bergraduasi daripada CUCMS dapat membaca al-Quran dengan betul.

Program ini juga dapat menggalakkan amalan membaca al-Quran sebagai satu budaya hidup di CUCMS dan meningkatkan penghayatan terhadap al-Quran kepada semua pelajar dan masyarakat kampus CUCMS melalui usaha penyebaran ilmu dan mesej dari al-Quran. Selain itu, program ini dapat meningkatkan tahap penghafazan ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pelajar dengan mengadakan kelas-kelas hafazan al-Quran dan mereka akan berkemampuan untuk mengajar al-Quran kepada semua lapisan masyarakat.

ANALISIS BORANG SOAL SELIDIK



| | | | |
|---------------------|------------------------|----|----|
| Jantina | - Lelaki | 16 | 32 |
| | - Perempuan | 34 | 68 |
| Sekolah terakhir | - Sekolah aliran biasa | 37 | 66 |
| | - Sekolah aliran agama | 17 | 34 |
| Peringkat pengajian | - Asasi | 12 | 24 |
| | - Diploma | 5 | 10 |
| | - Ijazah sarjana muda | 33 | 66 |

Latar belakang responden terdiri daripada jantina, sekolah terakhir dan peringkat pengajian. Dapatan ini dapat dilihat dalam jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Sumber : Soal selidik Bahagian A, 2018

Dari aspek jantina responden lelaki seramai 16 orang mewakili 32% manakala perempuan seramai 34 orang dengan peratusan 68%. Dari aspek sekolah terakhir pula, dapatan menunjukkan kebanyakannya responden dari sekolah aliran biasa iaitu seramai 37 orang dengan peratusan sebanyak 66% manakala dari aliran sekolah agama seramai 17 orang dengan peratusan sebanyak 17%. Dari aspek peringkat pengajian pula, asasi seramai 12 orang dengan peratusan 24%, peringkat diploma seramai 5 orang dengan peratusan 10% dan peringkat ijazah sarjana muda seramai 33 orang dengan peratusan sebanyak 66%.

Tahap Penguasaan Al-Quran dan Tajwid

| Item | Ya (%) | Tidak (%) | Tidak Pasti (%) |
|-------------------------|--------------|--------------|--------------------|
| Mengenal huruf al-Quran | 50 (100%) | | |



| | | | |
|--|-------------|-------------|-------------|
| Kebolehan menyebut huruf dengan sebutan yang betul (makhraj) | 33 (66%) | 17 (34%) | |
| Kebolehan menyebut kalimah al-Quran | 42 (84%) | 8 (16%) | |
| Kebolehan menyebut kalimah al-Quran yang bersambung | 42 (84%) | 8 (16%) | |
| Mengenal tanda-tanda bacaan yang terdapat dalam al-Quran (Baris) | 45 (90%) | 5 (10%) | |
| Mengenal tanda-tanda waqaf (berhenti) yang terdapat dalam al-Quran | 33 (66%) | 16 (32%) | 1 (2%) |
| Keupayaan membaca al-Quran dengan betul | 30 (60%) | 20 (40%) | |
| Mengetahui cara yang betul untuk berhenti dan memulakan bacaan | 20 (40%) | 27 (54%) | 3 (6%) |
| Kebolehan membaca al-Quran dengan mengikut ilmu tajwid yang betul | 20 (40%) | 27 (54%) | 3 (6%) |
| Pengetahuan tentang hukum tajwid | 20 (40%) | 26 (52%) | 4 (8%) |
| Membaca surah al-Fatihah dengan betul | 40 (80%) | 10 (20%) | |
| Pernah belajar ilmu tajwid | 49 (98%) | 1 (2%) | |
| Hukum membaca al-Quran dengan bertajwid adalah wajib | 47 (94%) | 1 (2%) | 2 (4%) |
| Adakah anda mempraktikkan ilmu tajwid semasa membaca al-Quran? | 42 (84%) | 3 (6%) | 5 (10%) |
| Huruf mad adalah alif, wau dan ya | 42 (84%) | 2 (4%) | 6 (12%) |
| Hukum nun mati dan tanwin ada lima | 26 (52%) | 6 (12%) | 18 (36%) |



| | | | |
|---|-------------|-------------|-------------|
| Adakah سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ dibaca dengan dengung? | 6 (12%) | 41 (82%) | 3 (6%) |
| Adakah هُدًى مِّن dibaca dengan dengung? | 41 (82%) | 6 (12%) | 3 (6%) |
| Izhar syafawi adalah salah satu hukum nun mati dan tanwin | 15 (30%) | 21 (42%) | 14 (28%) |
| Mad ini dibaca dengan kadar 4 dan 5 harakat (وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ) | 46 (92%) | | 4 (4%) |
| Tanda yang perlu berhenti di salah satu tanda (لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ) | 46 (92%) | 2 (4%) | 2 (4%) |

Jadual 2 : Tahap Penguasaan Al-Quran dan Tajwid

Sumber: Soal Selidik Bahagian B & C, 2018

Sebagaimana yang dapat diperhatikan pada jadual yang di atas, secara keseluruhannya pengkaji dapat membuat beberapa kesimpulan mengenai penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya(CUCMS). Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kebanyakan pelajar boleh membaca al-Quran dengan baik walaupun bukan daripada pengajian islam.

Pelajar-pelajar CUCMS mempunyai latar belakang akademik dan bidang pengajian yang berbeza. Sebahagian daripada mereka bersekolah aliran agama dan sebahagian lagi bersekolah aliran biasa. Hasil kajian juga menunjukkan sebahagian pelajar CUCMS dapat membaca al-Quran dengan baik dan selebihnya pula masih di tahap sederhana. Pada masa yang sama, kebolehan mereka membaca al-Quran dengan bertajwid adalah di tahap sederhana. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar CUCMS bukan pelajar aliran agama.



Dalam bahagian asas pengetahuan tajwid, pelajar sedar akan kewajipan membaca al-Quran dengan bertajwid. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tinggi bagi mereka yang menguasai hukum nun sakinah dan tanwin serta hukum mad. Manakala peratusan untuk bab hukum mim sakinah adalah rendah. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa pelajar-pelajar ini hanya terdedah dan memahami sebahagian hukum-hukum tajwid yang asas sahaja seperti hukum nun sakinah dan tanwin serta hukum mad.

Berdasarkan keputusan dan hasil kajian ini, berikut adalah cadangan dan saranan yang perlu dilakukan :

- a) Saranan Kepada Pelajar
Pengkaji menyarankan agar pelajar melakukan aktiviti-aktiviti pengajian al-Quran dengan mengikuti program al-Quran yang dilakukan oleh Kelab Intelek Quran dan *Quranic Class* di CUCMS. Ke kerapannya membaca al-Quran boleh membantu mereka dalam menguasai pembacaan al-Quran.
- b) Saranan Kepada Ibu Bapa
Amalan membaca al-Quran di rumah hendaklah diambil berat oleh ibu bapa. Peranan mereka amat besar dalam membentuk anak-anak mereka yang bermula di rumah. Galakan dan bimbingan dari ibu bapa hendaklah berterusan ke arah melahirkan anak-anak yang cakna dan sayang kepada al-Quran.
- c) Saranan Kepada Guru
Tilawah al-Quran yang berkesan juga dikaitkan dengan sikap kreatif guru yang mana bukan hanya merancang pelajaran, bahkan juga meliputi aspek kreativiti semasa proses pengajaran. Guru-guru disarankan menggunakan kaedah yang menyeronokkan dalam pengajian al-Quran sebagai daya tarikan kepada pelajar untuk menumpukan perhatian dalam pengajian al-Quran.
- d) Saranan Kepada Pihak Berwajib
Pengkaji berpendapat para pelajar kurang didedahkan dengan program-program al-Quran seperti bacaan surah Yaasiin, pertandingan tilawah al-Quran dan tadarus al-Quran di bulan ramadhan. Manakala kelas tajwid yang dilaksanakan adalah bersifat terbatas dan bermusim.



Pengkaji menyarankan pihak-pihak berwajib seperti Jabatan-jabatan Agama Negeri, IPT dan IPTA lebih peka tentang keperluan ini dengan mengadakan kelas-kelas pengajian al-Quran yang berkala dan berterusan. Hal ini akan mendekatkan pelajar bahkan semua lapisan masyarakat dengan al-Quran sepanjang masa dan dapat mempelajarinya dengan lebih mudah.

PENUTUP

Secara ringkasnya, hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar-pelajar dalam membaca al-Quran adalah baik. Ini adalah kerana pihak kolej universiti menyediakan program-program al-Quran yang berterusan dan efektif. Namun begitu, penambahbaikan perlu dilakukan bagi pelajar menguasai ilmu tajwid sebaiknya oleh pengajar-pengajar al-Quran di kolej ataupun di luar kolej. Ibu bapa dan semua pihak hendaklah memperkasa dan membudaya bacaan al-Quran sepanjang masa agar dapat melahirkan generasi yang cintakan al-Quran.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Darulfikir, Kuala Lumpur.

Haji Abdul Qadir Leong, 2009. *Tajwid Al-Quran Rasm Uthmani*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Ahmad Khalid Shukri, Ahmad Muhammad Muflih al-Quddah, Muhammad Ahmad Abdul Majid Sulaiman, Muhammad Khazir al-Majali, Muhammad 'Isam Muflih al-Quddah, Abdul Rahman Abd. Rabbahu Abu Ghalyun, Ali Muhammad al-Juyusi, . . . Ma'mun Umar al-Shimali. (2008). *Al-Munir fi A'kam al-Tajwid*. Amman: Al-Markaziyyah. Majma' Al-Muhafazah 'ala al-Quran al-Karim.



Al-Imam al-Hafiz Imanuddin Abul Fida' Ismail Bin Umar Bin Katsir *Terjemahan Lubaabut Tafsir Min Ibn Katsir*. Pustaka Imam Syafie, Cetakan Keempat 2005. Tahqiq Dr. Abdullah Bin Muhammad Bin Abdul Rahman Bin Ishak al-Syeikh.

Abdul Fatah al-Qadhi.1965. *Tarikh al-Mushaf al-Syariif*. Tab'a 'ala nafqa qita' al-maahid al-azhariyyah 2014-2015.

Al-Hafiz Abi Daud Sulaiman al-Asy'ath al-Azadiy al-Sajastaniy 202-275 H. *Sunan Abi Daud*. Dar al-Risalah al-Alamiyyah. Beirut 2009. Tahqiq al-Syeikh Syuaib Arnout waakhoruun.

Muslim, al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi. 2005. *Sahih Muslim*. Kaherah. Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyah.

Ibn Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. 751-833 H. *al-Tamhid Fi Ilm al-Tajwid*. 2001. Muassasah al-Risalah. Beirut.

<http://www.islam.gov.my/berita-semasa/30-bahagian-kemajuan-islam/1309-pemeriksaan-kelas-al-quran-dan-fardhu-ain-kafa-mengisi-agenda-permulaan-tahun-2018>

Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS). cybermed.edu.my/